

**TEKS UCAPAN**  
**KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UNIMAP SEMPENA MALAM JASAMU**  
**DIKENANG PADA 1 MEI 2007**

Bismillah hirrahman nirrahim  
Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan  
selamat sejahtera.

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis,Tuanku Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

Ampun tuanku, sembah patik mohon di ampun,

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli Tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat ke majlis **MALAM JASAMU DIKENANG** pada malam ini.

Ampun tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Yang Berbahagia Brig Jen Dato' Md Azman Bin Rosli

Yang Berbahagia Brig Jen Dato' Razali Bin Haji Ahmad

Yang Berbahagia Brig Jen Dato' Mohd Nor Bin Daud

Tuan-tuan dan hadirin yang hadir pada malam ini

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala, kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada malam ini bagi meraikan Brig Jen Dato' Md Azman Bin Rosli. Ucapan terima kasih juga dititipkan buat semua dif-dif kehormat dan para tetamu kerana sudi meluangkan masa dan melapangkan diri untuk memeriahkan lagi majlis malam ini.

Hadirin dan hadirat yg dimuliakan,

Seperti yang kita tahu, setiap pertemuan adanya perpisahan dan majlis yang diadakan pada malam ini khas untuk mengenang jasa Yang Berbahagia, Brig Jen Dato' Md Azman. Bagaikan sekelip mata masa berlalu, begitu pantas sekali. Tetapi yang jelas Y. berbahagia dato' telah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab ketika beliau memegang jawatan sebagai Assisten Panglima Pasukan Simpanan selama

1 tahun 9 bulan dan 16 hari iaitu mulai 15 April 2005 hingga 31 Januari 2007.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' kerana memegang jawatan sebagai Panglima Bagi Briged Ke Sebelas Infantri. Harapan saya agar hubungan antara UniMAP yang dulunya dikenali sebagai KUKUM dengan Yang Berbahagia Dato' akan terus terjalin. Umpama bait-baik pantun ini:

Tuai padi antara masak  
Esok jangan layu-layuan  
Intai kami antara nampak  
Besok jangan rindu-rinduan

Semoga penghijrahan ini pastinya akan membawa ke arah yang lebih baik.

Hadirin dan hadirat sekelian,

Ibarat kata pepatah Melayu, setiap yang patah akan tumbuh kembali begitu juga dengan yang pergi, pasti akan ada penggantinya. Di kesempatan ini juga, saya bagi pihak UniMAP mengucapkan tahniah kepada Assisten Panglima Pasukan Simpanan Yang Baru, Brig Jen Dato' Razali. Walaupun beliau tidak dapat hadir pada malam ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, saya mengharapkan

agar kita dapat menjalankan kerjasama dan hubungan erat dalam usaha memartabatkan pasukan simpanan sebagai salah satu aset pertahanan negara yang terpenting.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas jasa Yang Berbahagia Brig Jen Dato' Azman sepanjang beliau menjawat jawatan tertinggi dalam pasukan simpanan tentera darat dan usaha Yang Berbahagia Dato' dalam meningkatkan prestasi askar wataniah. Akhir kata terimalah puisi yang ditujukan khas buat Yang Berbahagia Dato':

Suatu pertemuan tanpa jangkaan,  
Membibit jalinan penuh kemesraan,  
Hari demi hari ikatan diperkuuhkan,  
Andai badai melanda menjelmakah perpisahan?

Usah diturut rasa kerasahan,  
Hanya menambah lagi kerisauan,  
Mengapa difikir akan perpisahan,  
Tak akan terurai tali ikatan.

Perjalanan kehidupan penuh ranjau,  
Salah jangkauan pasti menyesal,  
Ku lontarkan persoalan buat dikau,  
Bolehkah ikatan persahabatan ini kekal?

Titian kasih telah terbina,  
Lahir dari hati dan jiwa,  
Jika ianya ingin dikekalkan lama,  
Harus disemai kasih sentiasa.

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada ke bawah Duli Tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat ke majlis pada malam ini.

Patik sudahi ucapan ini dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.